

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK BUNG MOKTAR
BIN RADIN [KINABATANGAN]**

TARIKH : 31 OKTOBER 2016

SOALAN :

YB Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilakah Kerajaan Persekutuan dijangkakan menyerahkan sepenuhnya kuasa autonomi dari segi pentadbiran, perjawatan, perancangan serta pelaksanaan program-program pembangunan kepada Kerajaan Negeri Sabah.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan akan melaksanakan pemberian *empowerment* secara pentadbiran merangkumi fungsi-fungsi operasi dan pentadbiran am yang berlandaskan kepada ketetapan-ketetapan di dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang negara.

Dalam hal ini, pemberian *empowerment* secara pentadbiran akan memerlukan proses kajian yang terperinci. Kerajaan telah menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa bersama bagi mengkaji perkara-perkara yang boleh diberi *empowerment* secara pentadbiran kepada Kerajaan Negeri Sabah termasuk yang berkaitan dengan pengurusan program-program pembangunan. Tempoh masa bagi pelaksanaan pemberian *empowerment* secara pentadbiran ini adalah tertakluk kepada perjalanan kajian yang akan dilaksanakan kelak.

Sekian, terima kasih.